



PARA peserta bergambar beramai-ramai sebagai tanda kenang-kenangan.

PARA peserta teruja apabila berpeluang mempelajari perkara baharu pada program itu.

Suntik kesedaran generasi muda menjaga air sungai

KEZALIMANNYA, para pelajar akan meluangkan lebih banyak masa bersama-sama rakan sebaya di dalam kelas untuk mengulang kaji pelajaran.

Namun, seramai 80 pelajar daripada lapan buah sekolah di negeri Johor mengenepikan seketika buku teks dan meninggalkan sekolah masing-masing untuk menyertai Program Rakan Alam Sekitar (RAS) anjuran Chemical Company of Malaysia (CCM) yang berlangsung di Sungai Skudai, Johor baru-baru ini.

Sepanjang program itu berlangsung, Sungai Skudai menjadi

bilik darjah kepada para pelajar untuk belajar tentang kepentingan pemeliharaan alam sekitar.

Program yang dianjurkan itu merupakan sebahagian daripada Kem Pemimpin Muda Prihatin Air Kebangsaan (Zon Selatan) di bawah Program Hidrologi Antarabangsa (IHP) UNESCO-Malaysia (IHP UNESCO-Malaysia) dan serentak dengan

Perayaan Minggu Alam Sekitar Johor. Pembelajaran luar kelas yang diketuai oleh Bahagian Bahan Kimia CCM itu bertujuan untuk mendidik anak-anak muda tentang pentingnya sumber asli terutama sekali saluran

air yang menjadi sumber kehidupan masyarakat dan organisma hidup.

Program itu juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran terhadap keupayaan manusia sebagai pengawas bumi dan menentukan kesihatan sungai dan tasik sama ada ke arah kebaikan atau keburukan.

Ketua Pegawai Operasi Bahagian Kimia CCM, Anuar Kasim berkata, program itu adalah cara yang berkesan untuk mendekatkan lagi pelajar dengan alam sekitar.

Ini kerana pendekatan seperti itu jauh lebih berkesan daripada pembelajaran menerusi buku teks dalam memberi kesedaran kepada generasi muda mengenai menjaga air sungai dan sebagainya.

"Anak-anak kita perlu didedahkan kepada persekitaran luar untuk membolehkan mereka memahami dan menghargai keindahan alam semula jadi.

"Selalunya, menerusi eksplorasi seperti ini, mereka juga mula menyedari pelbagai isu yang menjejaskan alam sekitar dan bagaimana mereka boleh memainkan peranan aktif dalam usaha memelihara sumber alam semula jadi.

"Menerusi RAS, kami bukan sahaja dapat menyuntik kesedaran terhadap isu-isu ini tetapi paling penting mendidik generasi muda dan menyemaikan sikap bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Kami percaya, kita dapat mencari satu penyelesaian yang kekal," katanya.

Semasa program itu berlangsung,

para pelajar berperanan sebagai saintis dan mereka perlu meranduk air setinggi buku lali untuk melakukan pelbagai eksperimen bagi mengukur kualiti air dan mencari cara untuk menghasilkan enzim menerusi aktiviti Program Saintis Sungai CCM.

Menerusi program itu, mereka juga mempelajari tentang ekologi dan proses sungai yang terbabit dalam rawatan atau penulenan air.

Aktiviti yang dianjurkan bersama dengan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor itu memberi pendekatan holistik kepada pelajar melalui pengetahuan teori dan pengalaman untuk membolehkan mereka mendidik pelajar sekolah tentang pentingnya pemeliharaan alam sekitar serta melindungi sumber alam semula jadi.

Pemimpin masa depan

"Pengalaman selama tiga hari itu benar-benar membuka mata peserta. Kami berharap, kesedaran mereka terhadap alam sekitar tidak terhenti di sini tetapi berterusan hingga mereka dewasa.

"Kanak-kanak adalah pemimpin masa depan kita. Oleh itu, kami percaya bahawa pelajaran adalah penting untuk membantu mereka membentuk sikap bertanggungjawab terhadap alam sekitar dan menjadi duta kepada rakan sebaya mereka," tambah Anuar.

Sementara itu, seorang pelajar Syamsul Fahmi Syukur, 16, berkata, dia cukup gembira kerana dapat menyertai program tersebut.

"Program ini sesuatu yang menarik kerana kami diberi peluang untuk meranduk sungai dan melakukan eksperimen untuk mengukur tahap kualiti air.

"Sepanjang program ini berlangsung, kami diberi pendedahan mengenai kepentingan memulihara alam semula jadi untuk dinikmati generasi akan datang terutamanya yang berkaitan dengan air.

"Saya gembira menyertai program ini. Selain daripada dapat menghargai alam sekitar, saya juga berpeluang memperoleh kawan baharu dari sekolah lain," jelasnya.

Tambahnya, jika ada lagi program seperti itu pada masa hadapan, dia ingin menyertainya lagi.

Semasa program itu berlangsung, CCM mengambil kesempatan untuk menjenamakan semula program kepada Rakan Saintis Sungai CCM dan melancarkan logo baharu.

Dalam usaha untuk meningkat dan menggalakkan aktiviti bertema alam sekitar di sekolah-sekolah, CCM turut menyumbangkan sejumlah RM1,000 kepada SMK Taman Daya 2 untuk membiayai aktiviti yang dianjurkan oleh kelab alam sekitar mereka.

RAS anjuran CCM membabitkan penglibatan sekolah di seluruh Perlis, Sabah, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.

Sejak dimulakan pada 2010, program itu telah disertai oleh lebih 1,500 pelajar dan CCM terus berusaha untuk mendidik generasi muda memelihara dan memulihara alam sekitar.



muda menjadi ar.



an menguji tahap



PARA pelajar berperanan sebagai saintis dengan melakukan pelbagai eksperimen mengenai rawatan air.